

Soalan Struktur

1 Kaji foto di bawah.




Mengapakah sudu itu kelihatan bengkok dalam air? Tandakan (x) penerangan yang salah.

- (a) Sinar cahaya mendekati normal apabila bergerak keluar dari air dan memasuki mata. ☐
- (b) Air lebih tumpat daripada udara. ☐
- (c) Sinar cahaya bergerak lebih perlahan dalam air daripada di udara. ☐
- (d) Sinar cahaya menjauhi normal apabila bergerak keluar dari air dan memasuki mata kita. ☐



2 Lengkapkan rajah sinar di bawah untuk menunjukkan pembiasan cahaya apabila sinar cahaya bergerak melalui medium yang berbeza ketumpatan.



3 Isikan tempat kosong mengenai penerangan rajah sinar yang menunjukkan pembiasan cahaya.

	(a) Cahaya terbias _____ normal kerana sinar tuju _____ bergerak dari medium _____ tumpat ke medium _____ tumpat.
	(b) Cahaya terbias _____ normal kerana sinar tuju _____ bergerak dari medium _____ tumpat ke medium _____ tumpat.
	(c) Cahaya _____ terbias kerana sinar tuju _____ dengan normal apabila sinar tuju bergerak dari medium _____ tumpat ke medium _____ tumpat.